



**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)*

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

<b>JAWATAN</b>	<b>: PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK</b>
<b>Gred Jawatan</b>	: Setara dengan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q29
<b>Taraf Jawatan</b>	: <i>Contract for Service (CFS)</i>
<b>Pusat Tanggungjawab</b>	: Stesen MARDI Cameron Highlands
<b>Penempatan</b>	: Stesen MARDI Cameron Highlands
<b>Gaji</b>	: RM1,900.00 (secara pukal)
<b>Tempoh Perkhidmatan</b>	: 1 tahun
<b>1. Syarat Lantikan</b>	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau salah satu subjek Sains; atau</li><li>ii) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau</li><li>iii) Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</li><li>iv) Sijil Matrikulasi dalam jurusan sains dan aliran teknikal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); atau</li><li>v) Diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya); atau</li></ul>

vi) Diploma dalam bidang Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

vii) Diploma Sains Veterinar/Haiwan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**3. Bidang Tugas** :

- i. Membantu tadbir urus Pengurusan stesen MARDI Cameron Highlands seperti tugas-tugas penyeliaan.
- ii. Membantu urusan operasi Dana Stesen MARDI Cameron Highlands termasuk pengoperasian aktiviti agropelancongan.
- iii. Melaksana tugas Pengiring/Pemandu pelancong kepada permohonan lawatan secara berkumpulan dan lawatan tidak rasmi.
- iv. Melaksana tugas Pengiring/Pemandu pelancong/Pemandu Buggy kepada lawatan kenamaan dan lawatan VIP.
- v. Mengurus dan menyusun atur permohonan lawatan taman.
- vi. Mengurus dan menyusun atur permohonan pakej penginapan cottage dan apartment MARDI Cameron Highlands.
- vii. Memantau dan mengurus segala urusan pentadbiran kakitangan Contract For Services (CFS) dan operasi agropelancongan.
- viii. Melaksana dan memantau operasi kaunter tiket, pakej lawatan berkenderaan buggy.
- ix. Melaksana dan memantau operasi Pusat Jualan Potted Plant.
- x. Melaksana dan memantau operasi Pusat Jualan MARDI Cameron Highlands.
- xi. Melaksana dan memantau aktiviti operasi Laman Strawberi.
- xii. Melaksana dan memantau operasi dan aktiviti

agropelancongan stesen secara keseluruhan setiap hari dan pada cuti umum serta hujung minggu.

- xiii. Melaksana, merangka dan mengurus segala operasi promosi dan hebahan atas talian dan pameran serta program promosi luar yang disertai stesen.
- xiv. Melaksana laporan bulanan hasil dan operasi agropelancongan stesen seperti laporan bulanan pendapatan jualan tiket, laporan bulanan pengunjung, laporan aktiviti stesen dan lain-lain berkaitan.
- xv. Mengurus pelaksanaan projek, program dan aktiviti perancangan kerja stesen seperti merancang agihan tenaga kerja mengikut keperluan pengurusan ladang, menyediakan laporan kemajuan kerja serta merancang dan mengurus tempahan pembelian peralatandan kemudahan dibawah skop penyeliaan.
- xvi. Menyelia perlaksanaan kerja penyelenggaraan kebersihan kawasan ladang, pejabat dan landskap taman seperti menyelia perlaksanaan kerja penyelenggaraan tanaman hiasan, landskap, dan kemudahan infrastruktur ladang, pengairan dan pengurusan plot tanaman serta menyelia kawasan taman dan plot pertanian untuk memastikan berada dalam keadaan bersih dan kemas.
- xvii. Mematuhi semua arahan yang diberikan oleh penyelia dan pegawai atasan dari semasa ke semasa.

#### CARA MEMOHON:

- i) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan mengisi borang **MDI.1 Pindaan 1/2013** dengan lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Semua permohonan hendaklah dikemukakan **secara pos atau e-mel** ke alamat seperti di bawah:

**KETUA STESEN**  
**Stesen MARDI Cameron Highlands**  
**Persiaran Endah, Tana Rata, 39000, Cameron Highlands, Pahang.**  
**(u/p: Penolong Pegawai Tadbir)**  
**Alamat e-mel: amidi@mardi.gov.my**

- ii) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- iii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan ini tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP IKLAN: 13 JUN 2025**

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 05-4911255/5945